


**EMBARGO SEHINGGA SELESAI AMANAT**



**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN  
KETERJAMINAN MAKANAN**

**UCAPAN AMANAT TAHUN BAHARU 2024**

**YB DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU  
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

**TEMA:  
INOVASI NASIONAL KETERJAMINAN AGROMAKANAN RAKYAT**

**16 JANUARI 2024 (SELASA) | 10.00 PAGI  
DEWAN SERBAGUNA, ARAS BAWAH, BLOK 4G1, WISMA TANI**

## **EMBARGO SEHINGGA SELESAI AMANAT**

**[SALUTASI]**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wa Barakatuh dan Salam Sejahtera,

**YB DATUK ARTHUR JOSEPH KURUP**

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan

**YBHG. DATUK LOKMAN HAKIM ALI**

Ketua Setiausaha

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

**YBHG. DATUK DATUK TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA,**

**Yang Berusaha Setiausaha Bahagian Kanan dan Setiausaha-  
Setiausaha Bahagian,**

**Ketua-Ketua Pengarah Jabatan dan Agensi,**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan keluarga besar KPKM yang saya kasihi  
sekalian.**

# EMBARGO SEHINGGA SELESAI AMANAT

## MUKADDIMAH

Selamat Pagi dan Salam Malaysia MADANI,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T, di atas izin dan limpah kurniaNya jua, maka kita dapat bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Amanat Tahun 2024 Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. **Ucapan Alu-aluan**
2. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2024 kepada seluruh warga Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Terima kasih juga di atas penganjuran Majlis Amanat Tahun Baharu 2024 ini. Kehadiran tuan/puan ke majlis ini amatlah saya hargai. **Ucapan Selamat Tahun Baharu 2024**
3. Tema amanat yang diangkat hari ini merupakan kesinambungan daripada tema yang saya gariskan pada tahun lalu iaitu Kemampanan Sektor Agromakanan Teras Mengemudi Cabaran Krisis Global dengan suntikan pengukuhan melalui **Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat**. Tema ini mengangkat konsep inovasi dalam sektor agromakanan selaras dengan Dasar Agromakanan Negara 2021 – 2030 (DAN 2.0). **Tema Amanat 2024: Inovasi melibatkan pelaksanaan idea baru, teknologi dan amalan terbaik untuk meningkatkan kecekapan, kemampanan dan produktiviti.**

## **EMBARGO SEHINGGA SELESAI AMANAT**

### **PENGHARGAAN KEPADA WARGA KPKM**

4. Tahun 2023 merupakan tahun yang amat mencabar pada tahun pertama saya di Kementerian ini. Secara keseluruhan, **saya amat berpuas hati dengan kerjasama dan komitmen semua warga Kementerian.** Semangat berpasukan yang cukup tinggi telah ditunjukkan dalam mengharungi tahun 2023 dengan isu "*bread and butter*" rakyat jelata yang menuntut agar tindakan pengukuhan segera dilaksanakan pada tahun 2024.
- Penghargaan  
Komitmen Warga  
KPKM**

### **RANGKUMAN TAHUN 2023**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Seperti yang telah dibentangkan oleh Datuk KSU sebentar tadi, banyak kejayaan dicapai pada tahun 2023 sepanjang setahun pentadbiran Kerajaan MADANI. **Pertumbuhan ekonomi terus mengukuh, inflasi terkawal, pengangguran menurun dan pelaburan berkembang.** Pelbagai inisiatif Kerajaan terus dipergiat, termasuk usaha menaik taraf infrastruktur asas, menambah pendapatan pengusaha agromakanan, menangani kos sara hidup dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.
- Kejayaan  
Kerajaan  
MADANI**

## **EMBARGO SEHINGGA SELESAI AMANAT**

6. Pelbagai cabaran telah dilalui oleh KPKM bagi tahun **Jualan Agro MADANI** 2023 terutamanya di kala seluruh dunia menghadapi krisis kenaikan harga makanan global. Alhamdulillah, KPKM telah bertindak pantas dengan melaksanakan **program Jualan Agro MADANI** yang menawarkan jualan pelbagai barangan keperluan agromakanan seperti produk segar sayur-sayuran, buah-buahan, ikan, ayam, daging dan telur secara terus dari ladang. Harga yang ditawarkan adalah **10 peratus hingga 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran setempat**. Program yang bertujuan untuk memberikan akses makanan asas kepada rakyat pada harga jualan yang berpatutan ini telah mendapat sambutan yang begitu hebat, terutamanya bagi golongan B40 dan M40 dan seluruh warga penjawat awam (di mana program ini turut diadakan di setiap Kementerian / Jabatan di seluruh negara).
7. Pada tahun 2023, negara juga turut diuji dengan isu **Program Kekurangan bekalan telur dan beras putih Intervensi tempatan** akibat dari kenaikan harga di rantaian **Pengedaran** bekalan serta sekatan import dari India. Bagi maksud **Telur Ayam & BPT** ini, **Kementerian telah bertindak pantas untuk melaksanakan Program Intervensi Pengedaran Telur Ayam dan Program Intervensi Pengedaran Beras Putih Tempatan**, ketika mana berlakunya kekurangan bekalan kedua-dua komoditi tersebut dalam pasaran, sehinggalah bekalan stabil semula.

## **EMBARGO SEHINGGA SELESAI AMANAT**

Walaupun masih terdapat rungutan tentang kekurangan beras putih tempatan di pasaran, situasi ini semakin reda melalui hasil tuaian padi pada hujung tahun lalu oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA). Akan tetapi, purata pengeluaran beras negara masih tidak mencukupi dengan kadar sara diri (SSR) beras negara hanya 65 peratus. 35 peratus lagi masih belum mencukupi dan usaha untuk meningkatkan SSR ini perlu dijadikan keutamaan bermula tahun 2024.

8. Dari segi bekalan ayam pula, **bekalan bagi tahun 2023 telah kembali stabil** dan harga kos penternakan ayam juga telah kembali kepada trend yang lebih rendah daripada sebelum ini. Mengambil kira keadaan tersebut, **Kerajaan telah mengambil langkah untuk menamatkan subsidi ayam** bagi membolehkan **program penyasaran subsidi yang dijangka dapat memberi faedah secara terus kepada warganegara Malaysia** yang layak dapat dilaksanakan. Program subsidi sedia ada ini dilihat kurang efektif kerana ia lebih menguntungkan golongan maha kaya dan juga warganegara asing. Alhamdulillah, sejak harga ayam diapungkan dari 1 Disember 2023 hingga kini, didapati **bekalan dan harga ayam di pasaran masih lagi stabil** dan secara purata harga jualan ayam dipasaran masih di bawah paras RM9.40 (harga siling sebelum ini).

## **EMBARGO SEHINGGA SELESAI AMANAT**

9. Suka juga untuk saya kongsikan sedikit Kejayaan Kementerian sepanjang tahun 2023. Di peringkat antarabangsa, KPKM telah turut berjaya menganjurkan Mesyuarat kali ke-45 Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN (AMAF) yang dihadiri oleh seluruh Negara ASEAN dan Rakan Dagang +3 (China, Jepun dan Republik Korea) dan acara tersebut telah mendapat pujian yang gemilang dari seluruh negara anggota yang hadir. Di peringkat domestik, KPKM melalui LPP telah berjaya menganjurkan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) dengan penuh gemilang di mana kedatangan pengunjung yang direkodkan adalah hampir 500 ribu orang. **Penganjuran AMAF & HPPNK**
10. Alhamdulillah pencapaian baik ini perlu diteruskan. Apa jua yang memberi kelebihan kepada rakyat harus kita gandakan. Sekiranya ada kekurangan, perlu ditambah baik. Kejayaan yang dicapai tahun lepas perlu dipertingkatkan dan kelangsungan agenda membantu rakyat mesti diteruskan. **Agenda Rakyat Diteruskan**

## **EMBARGO SEHINGGA SELESAI AMANAT**

### **HALA TUJU DAN FOKUS KPKM BAGI TAHUN 2024**

Hadirin dan Hadirat sekalian,

11. Pada awal tahun 2023, saya telah menggariskan lima **5 Hala Tuju** (5) hala tuju dan fokus Kementerian, iaitu akuakultur, **KPKM 2023** penternakan lembu secara fidlot, jagung bijian, penglibatan anak muda dan pemerksaan institut latihan pertanian. Pencapaian lima (5) fokus tersebut telahpun dibentangkan oleh YBhg Datuk KSU sebentar tadi.
  
12. 5 hala tuju ini akan diteruskan inisiatifnya pada tahun **Penerusan 5 Hala** ini dengan **melihat semula penetapan sasaran dan Tuju** **strategi** jangka masa sederhana dan jangka masa panjang.
  
13. Menyedari peri pentingnya Kementerian ini **4 Fokus KPKM** menangani isu keterjaminan makanan yang dihadapi **2024** rakyat pada tahun 2023, saya juga akan **memberi fokus untuk mengukuhkan tiga (3) lagi industri sedia ada dan satu (1) industri rintis** seperti berikut:
  - (i) padi dan beras,
  - (ii) ayam dan telur,
  - (iii) bawang; dan
  - (iv) nanas.



## **EMBARGO SEHINGGA SELESAI AMANAT**

14. **Mulai tahun 2024 sehingga tahun sasaran 2030, suntikan pengukuhan melalui pelaksanaan dan pembudayaan Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat (PINTAR) akan turut diberikan penekanan yang komprehensif ke atas semua fokus hala tuju yang telah saya nyatakan tadi.** **Suntikan Pengukuhan PINTAR Mulai 2024**

### **HALA TUJU: PELAKSANAAN DAN PEMBUDAYAAN INOVASI NASIONAL KETERJAMINAN AGROMAKANAN RAKYAT (PINTAR)**

15. Melalui konsep PINTAR, **pelaksanaan dan pembudayaan inovasi dan *re-engineering*** dalam semua aspek rantai nilai sektor agromakanan akan diberikan penekanan yang komprehensif. PINTAR merupakan *Game Changer* dalam usaha kita untuk mereformasi sektor agromakanan. **PINTAR bukanlah satu konsep yang baharu tetapi ia amat kritikal untuk dilaksanakan bagi memastikan peningkatan produktiviti dan kelestarian sektor agromakanan negara bergerak seiring dengan keperluan semasa khususnya dalam menghadapi situasi geopolitik dan ekonomi dunia serta cabaran perubahan iklim yang kian membelenggu.** **Kepentingan PINTAR**

## **EMBARGO SEHINGGA SELESAI AMANAT**

16. **Konsep Pertanian PINTAR ini disandarkan kepada lima (5) teras strategik iaitu:** **5 Teras Strategik PINTAR**
- (i) Pertama (1): Pembangunan Kapasiti Industri dan Infrastruktur;**
  - (ii) Kedua (2): Reformasi Institusi dan Tatakelola;**
  - (iii) Ketiga (3): Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (R&D&C&I);**
  - (iv) Keempat (4): Teknologi, Mekanisasi dan Automasi; dan**
  - (v) Kelima (5): Perluasan Jaringan Kolaborasi berkonsepkan *Whole of Government, Whole of Society Approach*.**
17. Kesemua lima (5) teras strategik PINTAR ini adalah **indikator yang kritikal kepada pembangunan, pengembangan dan pengukuhan sektor agromakananan negara** yang merangkumi sektor tanaman, ternakan, perikanan, dan industri asas tani di sepanjang rangkaian pengeluaran dan nilai.

## **EMBARGO SEHINGGA SELESAI AMANAT**

18. Konsep PINTAR ini **turut sejajar dengan Rukun MADANI seperti Kemampuan, Daya Cipta dan Keyakinan.** **Sejajar Dengan Rukun MADANI** Kepelbagaian dalam mendepani isu keterjaminan makanan dengan kaedah yang lebih bervisi berlandaskan tekad untuk menggalas Amanah yang telah diberikan.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

### **INDUSTRI FOKUS 2024**

#### **I. INDUSTRI PADI: GELOMBANG PADI**

19. Negara mengeluarkan sebanyak **1.6 juta tan metrik beras pada tahun 2022** yang hanya mampu memenuhi **62.6 peratus daripada keperluan negara.** **Pengeluaran Beras Negara** Oleh sebab itu, kita terpaksa mengimport 1.1 juta tan metrik beras bagi menampung kekurangan bekalan.
20. Industri padi dan beras negara turut **dipengaruhi oleh beberapa faktor di luar kawalan** iaitu sekatan eksport oleh negara pengeluar, bencana alam seperti banjir dan kemarau; fenomena La Nina dan El Nino akibat perubahan iklim; serta peningkatan kos bahan input seperti baja dan racun akibat kenaikan harga bahan mentah global. **Cabaran Global Industri Padi & Beras Negara**

## **EMBARGO SEHINGGA SELESAI AMANAT**

21. Industri ini juga berhadapan dengan isu tempatan seperti ketidakcukupan bekalan benih, kelewatan pengedaran bekalan baja, tanah jerlus, infrastruktur pertanian seperti pengairan dan saluran yang tidak lengkap serta penyertaan golongan muda yang masih rendah. **Isu Tempatan**
22. Inilah cabaran yang perlu kita atasi bagi meningkatkan pengeluaran tempatan dan mengurangkan kebergantungan import.
23. Pada tahun ini, Kementerian akan menambah baik mekanisme pelaksanaan sedia ada dan merangka hala tuju baharu bagi industri padi dan beras negara. Perubahan ini kita gelarkan sebagai “Gelombang Padi”. **Langkah Proaktif: Gelombang Padi**
24. Berikut adalah 12 inisiatif/program yang akan dilaksanakan oleh Kementerian di bawah Gelombang Padi: **12 Inisiatif Di Bawah Gelombang Padi**
- (i) memperkenalkan Dasar Baharu Insentif Benih Padi Sah (IBPS);
  - (ii) memulih dan membangunkan kawasan tanah jerlus;
  - (iii) memperkasa pembekalan input pertanian;

## **EMBARGO SEHINGGA SELESAI AMANAT**

- (iv) memperkukuh pengurusan air ke kawasan tanaman padi;
- (v) memperluas pelaksanaan program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan;
- (vi) menambah keluasan bagi pelaksanaan Program 5x2 yang melibatkan kawasan sebanyak 3,000 hektar secara berperingkat di kawasan MADA;
- (vii) memperkenalkan kaedah pembayaran belian padi secara dalam talian (*online*) kepada pesawah di seluruh negara bagi mengurangkan peranan orang tengah;
- (viii) mengurangkan kehilangan hasil lepas tuai;
- (ix) membangunkan sistem bersepadu yang mengintegrasikan semua maklumat berkaitan industri padi dan beras (SMART Padi);
- (x) membangunkan sistem *soil profiling* berdasarkan *Site Specific Nutrient Management* (SSNM) bagi kawasan jelapang padi;

## **EMBARGO SEHINGGA SELESAI AMANAT**

- (xi) memperkasa penanaman padi bukit dan padi huma di Sabah dan Sarawak dengan menyediakan peruntukan bagi pembekalan input pertanian; dan
  - (xii) meningkatkan produktiviti hasil padi dengan perluasan kawasan baharu jelapang padi.
25. Gelombang Padi merupakan satu *game-changer* **Game Changer** yang akan mentransformasi industri padi dan beras negara. **Saya berharap inisiatif ini akan mengangkat industri padi dan beras negara ke suatu tahap yang lebih cekap dan berdaya tahan seterusnya meningkatkan pendapatan pengeluar makanan di sepanjang rantai makanan.**

Hadirin sekalian,

## **II. INDUSTRI AYAM DAN TELUR: MENINGKATKAN LIBAT URUS DALAM MEMUDAH CARA KEBENARAN MERANCANG SERTA MEMUDAHKAN PROSES PEMBIAYAAN BAGI PENTERNAK AYAM DAN TELUR BERSAIZ KECIL DAN SEDERHANA**

26. Fokus kedua adalah industri ayam dan telur. **Kesukaran Mendapatkan** Kesukaran mendapatkan Kebenaran Merancang **Mendapatkan** (KM) bagi **menukar ladang ternakan ayam kepada**

## **EMBARGO SEHINGGA SELESAI AMANAT**

- sistem tertutup** dikenal pasti antara cabaran utama dihadapi penternak ayam ketika ini. **Sistem reban tertutup dapat meningkatkan efisiensi pengeluaran, mengurangkan kos pengeluaran serta memastikan kawalan kualiti keluaran hasil terjamin dan pada masa yang sama ladang tidak mencemar alam sekitar.** **Kebenaran Merancang**
27. Antara cabaran dihadapi penternak kecil mendapatkan kelulusan **Kebenaran Merancang** ialah **keperluan bagi menyeragamkan peraturan pihak berkuasa tempatan selain membabitkan banyak agensi dan keperluan terlalu kompleks** untuk dipenuhi pemain industri. **Peraturan PBT Yang Tidak Seragam & Ulasan Agensi Yang Banyak**
28. Sehubungan itu, KPKM perlu menerajui usaha dengan matlamat untuk **mempermudahkan proses mendapatkan Kebenaran Merancang. Saya bersedia untuk memberikan komitmen sepenuhnya bagi sesi libat urus yang melibatkan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang akan diadakan dengan lebih agresif bagi tahun 2024 ini** bagi menyelesaikan semua isu yang berkait tentang perkara ini. **Komitmen YB Menteri**

## **EMBARGO SEHINGGA SELESAI AMANAT**

29. Selain daripada kebenaran merancang yang sukar diperolehi, antara aduan yang kerap diterima adalah mengenai **kesukaran mendapatkan pembiayaan yang bersesuaian bagi melaksanakan aktiviti penternakan ayam dan telur ini dari golongan penternak bersaiz kecil dan sederhana**. Saya berharap pihak Agrobank dapat bekerjasama dengan pihak KPKM dengan lebih agresif untuk mencari kaedah dan proses permohonan pembiayaan yang lebih bersifat mesra pelanggan dan mudah diperolehi.
30. Saya harap semua isu berbangkit berkaitan kedua-dua perkara ini akan **dapat diselesaikan pada tahun ini dan saya berharap ia dapat diselesaikan secara total**.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

### **III. INDUSTRI BAWANG: PENANAMAN BERSKALA BESAR**

31. Malaysia mempunyai daya tarikan gastronomi yang unik. Kepelbagaian makanan di Malaysia memerlukan bawang sebagai salah satu ramuan penting masakan. Oleh itu, **bawang dilihat sebagai komoditi yang strategik** untuk dibangunkan. **Kepentingan Bawang**



## **EMBARGO SEHINGGA SELESAI AMANAT**

32. Malaysia tidak menghasilkan bawang dan mengimport sepenuhnya dari negara seperti India, Belanda dan Thailand. Pada tahun 2022, **jumlah import bawang adalah 685.4 ribu tan metrik dengan nilai sebanyak 1.58 bilion ringgit.** Maka, **pengeluaran domestik perlu dirintis** bagi memenuhi keperluan rakyat Malaysia. **Jumlah Import Bawang Tahun 2022**
33. Krisis bekalan bawang pada tahun 2020 akibat **bencana banjir besar di India** telah mengakibatkan kenaikan harga jualan bawang sebanyak tiga kali ganda. Pada tahun 2023 pula, India telah **menaikkan duti eksport** bawang sebanyak 40 peratus. Pada Disember 2023, India telah **mengumumkan sekatan eksport** bawang yang berkuat kuasa sehingga 31 Mac 2024. Keadaan ini menyebabkan **harga bawang meningkat sehingga 105 peratus.** **Krisis Bekalan Bawang**
34. Inisiatif MARDI menjalankan **kajian adaptasi penanaman bawang merah** bagi pengeluaran dan penghasilan tempatan merupakan langkah proaktif memperkukuh keterjaminan makanan. Ini akan membantu mengurangkan kebergantungan terhadap bawang import. Tiga (3) varieti bawang merah telah berjaya dilancarkan ialah BAW-1, BAW-2 dan BAW-3 bersempena Show Tech MARDI 2023 pada 25 Ogos 2023. **Kajian Dilaksanakan MARDI**

## **EMBARGO SEHINGGA SELESAI AMANAT**

35. Kini, MARDI sedang giat meningkatkan bahan tanaman (**bebawang dan biji benih**) melalui pembangunan Plot Pengeluaran Benih Bawang MARDI di Pusat Penyelidikan Hortikultur, Serdang dan Stesen MARDI Bachok. **Peningkatan Bahan Tanaman**
36. Oleh yang demikian selaras dengan tema inovasi yang dibawa bagi tahun 2024 ini, pembangunan industri bawang perlu terus diperkasakan dengan lebih agresif. Saya berpandangan bahawa inisiatif ini boleh dikembangkan secara komprehensif, strategik dan produktif. **MARDI akan berperanan sebagai pusat pengeluar benih, manakala Jabatan Pertanian (DOA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang berperanan untuk melaksanakan inisiatif penanaman bawang tersebut pada skala yang lebih besar** melalui kolaborasi dan usahasama strategik bersama Kerajaan Negeri dan usahawan yang berpotensi di kawasan-kawasan yang bersesuaian. Inisiatif ini boleh dilaksanakan melalui **dua fasa iaitu fasa rintis dan fasa pengembangan berdasarkan sasaran output yang jelas**. Dalam memenuhi matlamat pengurangan import sebanyak 30%, KPKM perlu menyasarkan seluas 1,447 hektar kawasan penanaman setahun dan saya berharap ia dapat dimulakan segera dari awal tahun ini. **2 Fasa Pembangunan Industri Bawang**

## **EMBARGO SEHINGGA SELESAI AMANAT**

Hadirin sekalian,

### **IV. INDUSTRI NANAS: SEKALI TANAM, TIGA KALI TUI**

37. Bagi mengurangkan defisit perdagangan dalam **Strategi Imbangan Perdagangan** sektor agromakanan, Kementerian perlu lebih agresif dalam mencari produk dan kekayaan baharu untuk dieksport ke luar negara. Alhamdulillah pada 2023, Kerajaan Republik Rakyat China (China) telah memberi kelulusan bagi **pengeksporan produk nangka segar** ke Negara China. Protokol ini membolehkan usahawan-usahawan nangka tempatan untuk meneroka pasaran yang lebih luas sekaligus meningkatkan pendapatan mereka ke tahap yang lebih tinggi. Hal ini telah dibuktikan melalui protokol **pengeksporan durian** ke Negara China di mana sebaik kelulusan diperolehi produk durian Malaysia terutamanya Musang King merupakan antara produk pertanian yang memberikan hasil yang lumayan kepada pengusaha tanaman tersebut dan Kerajaan akan terus **berusaha untuk mendapatkan protokol pengeksporan durian segar pula bagi tahun 2024 ini.**

## EMBARGO SEHINGGA SELESAI AMANAT

38. Oleh yang demikian, selain dua produk buah-buahan yang dinyatakan ini, Kementerian perlu terus mencari produk-produk lain, dan berdasarkan data dan trend permintaan semasa, **produk nanas adalah salah satu produk baharu yang turut boleh diterokai untuk dijadikan sumber kekayaan baharu bagi sektor agromakanan.** Justeru, pada tahun 2024, Malaysia akan memperkenalkan konsep tanaman nanas iaitu '**Sekali Tanam, Tiga Kali Tuai**'. Konsep ini memberi penekanan kepada hasil tuaian buah, benih dan **sisas nanas** yang boleh memberi pendapatan tambahan kepada pengusaha sebanyak 37 ribu ringgit sehektar daripada **jualan sisa nanas sahaja.**
- Konsep Penanaman Industri Nanas**
39. Permintaan eksport nanas segar dan produk hiliran amat memberangsangkan. **Bagi tahun 2022, nilai eksport nanas segar dan produk hiliran adalah berjumlah 1.7 bilion ringgit dan dengan kadar purata peningkatan tahunan sebanyak 12.6 peratus bagi tempoh lima tahun.** Walau bagaimanapun, Malaysia hanya mampu untuk membekalkan 800 kontena setahun berbanding permintaan sebanyak 4,000 kontena. **Bagi tahun 2024, Kementerian menasarkankan untuk mengeksport sebanyak 1,000 kontena.**
- Nilai Eksport Nanas Segar & Produk Hiliran**
- Sasaran Eksport Tahun 2024**

## EMBARGO SEHINGGA SELESAI AMANAT

40. Permintaan nanas yang tinggi daripada pasaran domestik dan eksport mendorong Kementerian meningkatkan kawasan penanaman nanas. Pada tahun ini, **Kementerian menyasarkan sebanyak 1,500 hektar penambahan kawasan baharu** bagi mencapai jumlah kawasan penanaman nanas sebanyak 20 ribu hektar menjelang tahun 2025. **Sasaran Perluasan Kawasan 2024**
41. Tahun ini, Kementerian akan **memperluaskan penanaman nanas varieti SG1 (Sarawak Gold 1) di Semenanjung Malaysia**. Varieti ini telah didaftarkan dan ditanam secara meluas di Sarawak. Varieti MS16 juga telah diperkenalkan oleh MARDI pada akhir tahun 2023 dan akan dikomersialkan setelah pengeluaran benihnya stabil. **Perluasan Penanaman Varieti SG1**
42. Kementerian turut memperkenalkan konsep **'Pineapple Night Farming'** yang memberi penekanan kepada **aktiviti pengeluaran nanas pada waktu malam** dengan integrasi sistem solar, IOT, pertanian tepat (*precision farming*) dan penggunaan tenaga buruh yang optimum. Inisiatif ini memberikan impak yang signifikan dalam meningkatkan produktiviti dan pendapatan pengusaha nanas. **Inisiatif Pineapple Night Farming**

## **EMBARGO SEHINGGA SELESAI AMANAT**

43. Keempat-empat fokus 2024 yang telah saya nyatakan ini adalah selaras dengan inisiatif yang digariskan dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025. **4 Fokus Selaras Dengan DAN 2.0**

### **PENGUKUHAN INISIATIF SEDIA ADA**

44. Bagi memastikan keterjaminan makanan negara kekal utuh, saya menyarankan supaya pelbagai inisiatif meningkatkan pengeluaran domestik komoditi makanan terus diberi keutamaan. **Pengukuhan Inisiatif Sedia Ada**
45. Kerajaan sentiasa **menggalakkan syarikat pelaburan negara ini membuat pelaburan timbal balik atau “Reverse Investment” (RI) di negara lain.** Kaedah ini menyokong usaha Kerajaan mempromosikan pelaburan di luar negara yang akan: **Reverse Investment**
- (i) menjamin bekalan makanan dalam negara khususnya dalam menghadapi situasi krisis makanan dengan kos dan mekanisme yang lebih efektif;
  - (ii) memanfaatkan pelaburan serta sumber, peluang dan tenaga buruh tersedia secara maksimum di negara-negara yang secara relatifnya berkos rendah; dan

## **EMBARGO SEHINGGA SELESAI AMANAT**

- (iii) menggalakkan aplikasi dan perkongsian teknologi pertanian dan R&D.
46. Peningkatan dalam *reverse investment* akan **Kepentingan menyumbang ke arah keterjaminan makanan Reverse melalui jaminan negara sumber Investment**. Justeru, kita mengharapkan lebih banyak syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan dan swasta di peringkat Persekutuan dan negeri menyahut seruan ini.
47. **Pemeriksaan sektor pertanian melalui aktiviti Aktiviti R&D&C&I penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan Dan Pendigitalan dan inovasi (R&D dan C&I) akan mendorong sektor Pertanian** agromakanan menjadi lebih mampan dan berdaya saing. Adaptasi pendigitalan dalam sektor agromakanan membantu membuat keputusan yang tuntas dan berkesan.
48. Bagi menggalakkan persaingan dalam aktiviti inovasi **Hab Benih** dan peningkatan **pengeluaran benih tanaman (hab benih)**, KPKM telah melaksanakan **Projek Pembangunan Usahawan Pengeluar Benih Berkualiti** bertujuan membangunkan pengeluar benih tanaman dengan menggunakan varieti MARDI. Ini merupakan salah satu usaha pemindahan teknologi gunaan awam kepada golongan sasaran dan mempromosikan varieti baharu MARDI.

## **EMBARGO SEHINGGA SELESAI AMANAT**

49. **Pemeriksaan agenda kebijakan petani, nelayan, penternak dan pesawah akan terus diperkasa dan dilaksanakan** menerusi peruntukan khusus subsidi dan insentif bagi 2024. Antaranya adalah Skim Subsidi Harga Padi, Subsidi dan Insentif Tanaman Padi, Bantuan Khas Pesawah, Subsidi dan Insentif Nelayan dan Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan serta skim perlindungan takaful untuk pesawah di samping inisiatif untuk membina baharu dan baik pulih rumah nelayan yang uzur. **Peningkatan Sosioekonomi Golongan Sasar**
50. Dalam objektif untuk melaksanakan agenda keterjaminan makanan, **kita tidak boleh juga lupa tentang kepentingan untuk menjaga alam sekitar kerana tanpa bumi yang sihat, seluruh agenda keterjaminan makanan yang sedang diusahakan akan runtuh.** Oleh yang demikian, penekanan kepada agenda **Ekonomi Kitaran** dalam aktiviti pertanian perlulah diperkukuhkan seperti penggunaan baja organik dan kaedah pertanian moden yang lebih cekap bagi mengurangkan jumlah sisa bahan kimia daripada racun yang dilepaskan. Selain dapat mengelakkan berlakunya pencemaran dan pembaziran, **aktiviti nilai tambah ini mampu memberikan pendapatan tambahan kepada pengusaha agromakanan.** Oleh yang demikian, saya menggesa seluruh warga kerja Kementerian, Jabatan dan agensi untuk lebih berani meneroka **Ekonomi Kitaran**



## **EMBARGO SEHINGGA SELESAI AMANAT**

kaedah-kaedah penanaman dan penternakan baharu yang lebih moden bagi mengimbangi keperluan dan kepentingan alam sekitar dan keterjaminan makanan.

51. Saya juga turut berharap agar **semua program dan inisiatif yang telah dirangka dan diberikan peruntukan dapat dilaksanakan dengan kadar segera**. Ini adalah selaras dengan amanat yang telah diberikan oleh YAB Perdana Menteri untuk melibat keseluruhan **projek-projek pembangunan yang telah dirangka dapat dilaksanakan dan disiapkan mengikut garis masa yang ditetapkan** bagi membolehkan kemudahan-kemudahan tersebut dapat dirasai dan digunakan oleh golongan sasaran yang telah dikenal pasti.
- Kesegeraan Pelaksanaan Projek Pembangunan**

## **PENUTUP**

52. Segala hasrat yang disampaikan tadi hanya akan berjaya dilaksanakan dengan komitmen padu dan tekad oleh warga dan golongan sasaran Kementerian. Justeru seluruh Warga Kementerian perlu meneruskan **amalan budaya kerja berintegriti, amanah dan cekap** yang merupakan etika kerja yang sangat penting kepada pencapaian hasil kerja yang berkualiti tinggi.
- Harapan & Pembudayaan Amalan Kerja Berintegriti**

## **EMBARGO SEHINGGA SELESAI AMANAT**

53. Dengan **kekuatan pasukan yang ada, saya yakin kita akan berjaya mengharungi cabaran yang dihadapi pada masa ini dan mengangkat agenda keterjaminan makanan sebagai keutamaan.** Selain itu, setiap tindakan perlulah sentiasa tuntas dan proaktif bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan yang berkesan. **Semangat Kerja Berpasukan**
54. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin **menzahirkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada warga Kementerian di segenap lapisan.** Jasa bakti tuan puan dalam melaksanakan pelbagai program dan inisiatif untuk manfaat rakyat dan meningkatkan pendapatan golongan sasar sama ada secara langsung atau tidak langsung dan di mana jua anda bertugas pastinya beroleh ganjaran dunia dan akhirat. **Ucapan Penghargaan & Terima Kasih**
55. Akhir kalam, laksanakanlah amanah dengan penuh dedikasi dan keikhlasan. Mudah-mudahan segala **projek dan program yang dirancang dapat memacu pertumbuhan ekonomi demi kesejahteraan dan kemakmuran negara yang tercinta.** **Penutup**

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamualaikum  
Wa Rahmatullahi Wa Barakatuh dan Selamat Sejahtera.